

**DENDANG KAKI MERAH**  
Red-footed Booby

FAMILI: Sulidae  
NAMA SAINTIFIK: *Sula sula*

**CIRI-CIRI**

Mempunyai saiz yang kecil dan kurus manakala bahagian ekor dan bahagian tertier sayap berwarna putih serta kulit pada bahagian muka yang berwarna kelabu ke biru cerah dan merah jambu. Individu ini mempunyai bahagian kaki yang berwarna merah bunga mawar di mana pada bahagian bawah pangkal sayap, terdapat tompokan berwarna kehitaman yang besar. Bagi individu dewasa semasa peringkat pertukaran bulu berwarna coklat, individu ini menyerupai individu juvenil tetapi bahagian kaki, kulit pada bahagian muka dan paruh menyerupai individu semasa peringkat pertukaran bulu berwarna putih. Bahagian mahkota kepala dan belakang tengkuk individu ini berwarna merah jambu keperangan yang bersih. Semasa peringkat pertengahan proses pertukaran bulu bagi individu dewasa ini, ia menyerupai individu pada peringkat pertukaran bulu yang berwarna putih tetapi bahagian atas belakang badan serta bahagian pangkal sayap berwarna coklat.

**SAIZ**

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 68-72.5 cm.

**MAKANAN**

Makanan utama terdiri daripada ikan dan sotong.

**HABITAT**

Kawasan lautan yang terbuka, kawasan pulau dan kadangkala dijumpai di kawasan persisiran air.

**PEMBIAKAN**

Spesies ini membiak secara berkoloni di mana sarang dibina dengan struktur yang mudah di atas permukaan tanah di mana telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1 hingga 2 biji telur, berwarna putih.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.